

# Rongji: Lawatan ke Malaysia tiada kaitan pilihan raya

4 NOV 1999

Oleh SUKHWINDER KAUR

SEPANG 22 Nov. — Perdana Menteri China, Zhu Rongji menegaskan hari ini, lawatannya ke Malaysia telah dirancang lama dahulu dan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pilihan raya umum negara ini.

*Bernama* melaporkan beliau menyatakan demikian kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang untuk lawatan rasmi lima hari ke Malaysia.

Seorang wartawan *CNN* telah meminta Zhu mengulas dakwaan kalangan pembangkang bahawa kerajaan menjemput beliau kerana adanya pilihan raya pada 29 November bagi mendapatkan sokongan pengundi Cina di negara ini.

"Adalah lebih baik bagi saya tidak membuat apa-apa ulasan mengenai perkara ini kerana lawatan ini telah diatur sejak sekian lama dahulu... kami tidak ada kena-mengena (dengan pilihan raya)," jelas beliau, melalui jurubahasa.

Zhu sedang dalam rangka lawatan ke empat negara ASEAN — Malaysia, Filipina, Singapura dan Vietnam.

Ketibaannya di sini telah diberi sambutan rasmi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di Dataran Perdana Putrajaya petang ini.

Zhu bersama rombongan seramai 107 orang yang terdiri daripada tiga menteri kanan, para pegawai tertinggi kerajaan dan media adalah dalam rangka lawatan ke negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) selama 12 hari bermula dengan Malaysia.

Beliau bersama isterinya, Lao An dan tiga menteri — Menteri Luar, Tang Jiaxuan; Menteri Pertanian, Chang Yaobang dan Menteri Bantuan Khas, Liu Huaqiu — adalah dalam rangka lawatan selama empat hari mulai hari ini ke negara ini.

Turut hadir di majlis menyambut Zhu ialah isteri Dr. Mahathir, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; dan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar.

Zhu dijadualkan mengadakan pertemuan dengan Dr. Mahathir esok di Jabatan Perdana Menteri di sini bagi mengadakan perbincangan mengenai perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua buah negara.

Beliau kemudian akan

melawat Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil dan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Cyberjaya.

Pemimpin China yang dikatakan sebagai perancang pembangunan ekonomi China akan memberi ucapan di majlis makan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) pada hari Rabu.

Setelah itu, Zhu akan berlepas ke Pulau Langkawi untuk meneruskan lawatannya.

Sementara itu, isterinya, Lao An pula mempunyai jadual berasingan iaitu melawat dan menerima taklimat di Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah esok dan melawat Menara Kembar Petronas pada hari Rabu.

Perdagangan dua hala antara Malaysia dan China meningkat hampir 25 peratus bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding dengan RM13.68 bilion (AS\$3.6 billion) bagi tempoh yang sama pada tahun sebelumnya.

Selepas Malaysia, rombongan Perdana Menteri China itu akan melawat Filipina bagi menghadiri sidang kemuncak tidak rasmi ASEAN.